

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung dasar dan tindakan afirmatif yang telah dipraktikkan selama ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar afirmatif di kebanyakan negara bertujuan untuk mensasarkan golongan rakyat minoriti sebagai penerima faedah umum, namun, dasar ini berbeza di negara ini yang mensasarkan golongan rakyat majoriti memandangkan 68.4 peratus golongan miskin terdiri daripada orang Melayu dan masyarakat peribumi lain yang dikenali sebagai Bumiputera.

2. Dalam usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat pengagihan bagi membina kapasiti dan keupayaan kumpulan sasar yang ketinggalan dalam bidang ekonomi, terutamanya dalam kalangan orang Melayu dan masyarakat peribumi lain, Kerajaan telah menggubal dan melaksanakan dasar afirmatif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB merupakan satu dasar dan program sosioekonomi untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional melalui penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan.

3. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, DEB telahpun tamat pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosioekonomi dan matlamat perpaduan negara.

4. Bagi meneruskan dasar, strategi dan inisiatif untuk mengangkat martabat seluruh rakyat Malaysia, Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 oleh YAB Perdana Menteri. WKB merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030 dengan matlamat untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau "*decent standard of living*" pada tahun 2030.

5. Kerajaan yakin dengan pertumbuhan ekonomi yang progresif dan mampan serta pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat; rakyat akan dapat hidup bersatu padu dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara.

Sekian, terima kasih.